

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED
NOH (LEDANG)**

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hasil penilaian kesan kepada alam sekitar (Environmental Impact Assessment - EIA) terkini bagi projek ECRL dan langkah yang diambil Kerajaan untuk menguruskan impak kepada kepada persekitaran ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sepanjang 665 km adalah merupakan projek rel yang akan menghubungkan negeri-negeri di Pantai Timur dengan Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Pembinaan projek ECRL ini dibahagikan kepada tiga (3) seksyen iaitu Seksyen A dari Kota Bharu ke Dungun, Seksyen B dari Dungun ke Temerloh dan Seksyen C dari Temerloh ke Pelabuhan Klang.

Bagi Seksyen A iaitu dari Kota Bharu ke Dungun, laporan impak alam sekitar atau *Environmental Impact Assessment (EIA)* bagi seksyen ini telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar pada 13 Mac 2020. Bagi Seksyen B iaitu jajaran dari Dungun ke Temerloh, kelulusan laporan EIA telah diperolehi pada 26 April 2018.

Bagi Seksyen C dari Temerloh ke Pelabuhan Klang, jajaran ini telah dibahagikan dua lagi seksyen iaitu Seksyen C1 dari Temerloh ke ITT Gombak dan Seksyen C2 dari Gombak ke Pelabuhan Klang melalui Serendah. Kelulusan laporan EIA bagi Seksyen C1 juga adalah pada 26 April 2018. Pada masa ini, laporan EIA bagi Seksyen C2 dari Gombak ke Pelabuhan Klang melalui Serendah telah menjalani pameran awam dari 20 September 2021 sehingga 19 Oktober 2021. Pameran awam ini bertujuan untuk orang awam memberikan ulasan dengan mengemukakan maklumbalas berdasarkan penelitian berkaitan Laporan EIA tersebut dalam tempoh pameran yang telah ditetapkan. Kelulusan EIA bagi Seksyen C2 ini dijangka akan diperolehi pada akhir tahun 2021.

Jika dilihat dari segi perancangan secara keseluruhan projek ECRL itu sendiri, ianya direkabentuk bagi meminimumkan sebarang kesan kepada alam sekitar dimana pendekatan mesra alam sekitar ini telah diberi perhatian semasa peringkat perancangan dan penentuan jajaran itu sendiri. Pelbagai perkara telah dipertimbangkan terutama sekali faktor sosial, ekonomi, alam sekitar, ekologi, geologi, hidrologi, populasi penduduk dan lain-lain. Integrasi bersama jaringan sistem rel dan pengangkutan awam sedia ada juga merupakan salah satu faktor utama

SOALAN NO. 12

yang diambil kira di dalam pertimbangan jajaran. Pihak pemaju projek iaitu Malaysia Rail Link juga telah mengurangkan risiko kesan penebangan pokok yang melibatkan kawasan hutan simpan dengan jajaran hanya melibatkan kawasan sempadan hutan simpan dan merekabentuk laluan terowong atau laluan bertingkat sekiranya tidak dapat dielakkan. Sesi libat urus bersama jabatan dan agensi kerajaan berkaitan juga telah dijalankan termasuk pemegang-pemegang taruh yang terkesan dan segala pandangan telah diambil kira semasa peringkat rekabentuk. Pihak pemaju projek dari masa ke semasa juga telah menjemput badan bukan kerajaan seperti NGO yang berkaitan dengan alam sekitar untuk berdialog dan mendengar pandangan serta cadangan daripada pihak tersebut.

Pelbagai langkah yang telah diambil Kerajaan untuk menguruskan impak kepada persekitaran. Untuk makluman, sebaik sahaja laporan EIA bagi Seksyen A dan Seksyen B mendapat kelulusan diikuti juga dengan kelulusan *Environmental Management Plan* (EMP) daripada Jabatan Alam Sekitar negeri seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang, kerja-kerja tapak telah dimulakan bagi kedua-dua seksyen tersebut. Bagi memenuhi syarat-syarat kelulusan EIA yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar, audit berkala oleh juruaudit bebas yang dilantik mewakili Jabatan Alam Sekitar telah dijalankan setiap 4 bulan di setiap seksyen jajaran ECRL yang sedang dalam pembinaan. Audit ini dijalankan bagi memenuhi salah satu syarat kelulusan EIA dan juga sebagai salah satu pendekatan untuk memastikan pematuhan projek kepada syarat-syarat ketat yang telah ditetapkan. Pemantauan alam sekitar merupakan di antara komponen utama yang menjadi petunjuk aras kepada kualiti air sungai, kualiti udara, tahap bunyi serta gegaran yang mungkin disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan yang dijalankan di kawasan yang dikenalpasti sebagai penerima sensitif sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam laporan EIA. Selain daripada itu, pihak kontraktor dan pemaju juga sentiasa menilai prestasi kualiti dan kesan alam sekitar melalui *Environment Performance Management Committee* (EPMC) dan *Environment Regulatory Compliance Monitoring Committee* (ERCMC) yang dianggotai oleh pihak pengurusan tertinggi pemaju projek, MRL dan kontraktor utama. Di peringkat persekutuan dan negeri pula, pihak kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu yang

SOALAN NO. 12

dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara serta jawatankuasa kecil lain yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan Setiausaha Kerajaan Negeri yang terlibat bagi menyelaraskan serta menyelesaikan semua isu berbangkit termasuklah yang melibatkan alam sekitar.

Pada masa ini, Kementerian Pengangkutan menjangkakan tarikh penyiapan bagi Seksyen A dari Kota Bharu ke Dungun dan Seksyen B dari Dungun ke Temerloh masih kekal seperti yang dijadualkan iaitu pada 31 Disember 2026. Walaubagaimanapun, penyiapan bagi Seksyen C dari Temerloh ke Pelabuhan Klang dijangkakan akan mengalami kelewatan selama 12 bulan iaitu pada 31 Disember 2027.